

06/05/1998

Tiada keretakan dengan Anwar: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi menegaskan bahawa tidak wujud sebarang keretakan dalam hubungannya dengan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Tak ada pun keretakan (dengan Anwar). Setiap pagi kami duduk bersama. Dia, saya dan Daim bertemu untuk memutuskan bersama apa yang hendak dilakukan," kata Perdana Menteri.

Pertemuan setiap pagi dilakukan atas kedudukan beliau yang juga Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), manakala Anwar adalah Timbalan Pengerusi dan Tun Daim Zainuddin selaku Pengarah Eksekutif.

Menurut Dr Mahathir, walau apapun yang dilakukan, masih ada pihak mendakwa kononnya mereka tidak sefahaman.

"Tidak kira bagaimana kami melakukannya, malah jika saya cium dan memeluknya di khalayak ramai sepanjang masa, mereka tetap mengatakan ada keretakan, kerana inilah yang hendak mereka lihat," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau ditanya oleh wartawan CNBC Asia Business Network mengenai hubungannya dengan Anwar yang juga Menteri Kewangan, selepas melancarkan Amanah Saham Wanita (Asnita).

Mengenai tanggapan berlaku percanggahan kononnya tindakan dan kenyataan beliau tidak seirama dengan Anwar, Dr Mahathir berkata: "Itu salah. Mungkin cara beliau menyampaikannya berbeza bunyinya, tetapi pada asasnya ia tetap sama," katanya.

(END)